

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 29 MAC 2018

MUKA SURAT: 02



ANGGOTA bomba berusaha memadamkan kebakaran tapak pelupusan sampah haram di Fasa 8, Taman Sri Gombak.

Padam api guna tiga jengkaut

Gombak: Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menggunakan kaedah *direct attack* iaitu masuk ke kawasan kebakaran lebih dekat menggunakan tiga jengkaut dalam usaha memadamkan kebakaran di sebuah tapak pelupusan sampah haram di Fasa 8, Taman Sri Gombak, di sini.

Jurucakap JBPM Selangor berkata, kawasan berkenaan terbakar sejak lima hari lalu dalam jarak 66 meter dari kawasan perumahan.

"Bomba menjalankan kerja memadamkan api di kawasan tapak pelupusan sampah dipercayai ber-

operasi secara haram.

"Usaha memadamkan kebakaran dianggarkan seluas 1.62 hektar itu dianggap mencabar kerana api didapati merebak dengan cepat ke kawasan lain disebabkan keadaan cuaca panas dan kering ketika ini," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Jurucakap itu berkata, kebakaran berlaku di kawasan cerun yang dijadikan tapak pelupusan sampah.

"Bomba juga menerima bantuan daripada Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN)," katanya.